

WAJAH MORAL MASYARAKAT MELAYU PASCAMODEN: ANTARA REALITI, HARAPAN DAN GAGASAN PENDIDIKAN MORAL TINGGI

Mohd. Azhar Abd. Hamid
Mohd. Koharuddin Balwi
Muhamed Fauzi Othman
Othman A. Kassim

**Jabatan Pembangunan Sumber Manusia
Fakulti Pengurusan & Pembangunan Sumber Manusia
Universiti Teknologi Malaysia**

ABSTRAK

Dewasa ini dunia telah dilakari oleh pelbagai trend dan paradigma kehidupan bentuk baru. Pascamodenisme yang ditandai arus gelombang peringkat ketiga telah memberi impak yang bukan sedikit dalam kehidupan moral masyarakat khususnya masyarakat Melayu. Nilai-nilai yang dibawah oleh ideologi pascamodenisme menerusi pelbagai medium telah memberi dampak moral-sosial yang amat menakutkan. Hal ini tidak terkecuali meresapi ke dalam jiwa dan jatidiri masyarakat Melayu samada di Bandar mahu pun di luar Bandar. Statistik kejahatan social membuktikan hal ini. Sebut apa jua bentuk perlakuan tidak bermoral – pembunuhan, sumbang muhrim, pelacuran, gangsterisme, alkoholisme, perjudian, vandalisme dan sebagainya – setiap satu daripada amat ramai melibatkan masyarakat Melayu. Justeru itu, generalisasi dapat dibuat bahawa wajah moral masyarakat Melayu berada pada tahap yang amat kronik dan kritikal. Justeru itu, kertas kerja konseptual ini akan dibahagikan kepada tiga bahagian. Pada bahagian pertama kami akan menghuraikan secara konsep-konsep asas kertas kerja ini selain memaparkan hujah ‘rupa bentuk wajah’ moral masyarakat Melayu dulu dan kini. Kami juga akan memberikan justifikasi sebab-sebab munculnya wajah moral masyarakat Melayu masa kini. Pada bahagian kedua kertas kerja ini, kami akan mengagaskan usaha-usaha yang telah dan sedang dibuat bagi ‘mencantikkan’ wajah moral masyarakat Melayu. Dalam hal ini, kami turut melontarkan idea dan kritikan pendekatan-pendekatan yang dibuat selain mengagaskan suatu pendekatan yang lebih bersepadu. Pada bahagian akhir kertas kerja ini, kami menampilkan suatu pendekatan pendidikan moral tinggi yang mampu mengembalikan semula wajah moral yang indah dan bersih itu.

PENGENALAN

Kertas kerja ini ditulis berdasarkan pengamatan analitikal kritis secara deskriptif. Ia tidak menampilkan pendekatan kuantitatif-statistik untuk menggambarkan fenomena tajuk kami. Namun pada hemat kami, pendekatan ini memadai untuk memerihalkan senario wajah moral masyarakat Melayu dan impaknya pada zaman pascamoden ini. Berdasarkan pengamatan kami ini, inferensi yang kami buat berdasarkan statistik yang terdapat dalam sekian banyak akhbar, majalah, jurnal serta laporan yang dikeluarkan oleh pihak wewenang. Tanggapan awal boleh dibentuk dan boleh juga digambarkan betapa kejahatan dan kegawatan social yang

melanda masyarakat Melayu masa kini amat parah dan memalukan. Mengapa hal ini boleh berlaku? Sedangkan kita menyedari bahawa 'Islam' adalah agama masyarakat Melayu? Jika diamati secara mendalam, dinamisme Islam seolah-olah kabur dan hilang dalam jiwa dan pemikiran masyarakat Melayu. Hal ini dapat diterima kerana masyarakat Melayu semakin meminggirkan metodologi kehidupan Islam sepenuhnya. Adakah semudah itu? Bagaimana ia boleh berlaku sedemikian rupa sehingga ia memberi dampak yang serius terhadap kehidupan Islami masyarakat Melayu.

Pascamodenisme hadir dengan membawa segala macam fenomena baru yang tidak terfikir, tergapai dan terlaksana oleh kita. Ia hadir dalam satu pakej 'isme-isme' yang bertali temali. Isme-isme inilah yang akan meresap dan menyerang keseluruhan daripada superstruktur, struktur dan sendi-sendi kehidupan manusia khususnya ke dalam institusi keluarga. Justeru cabaran dan hala tuju institusi keluarga semakin berat dan mencabar. Pendidikan moral menjadi benteng pertahanan terakhir untuk menghadapi tahap akhir gelombang ketiga ini. Jika ia kalah, menyerah dan tewas sudah tentu hasrat untuk membina generasi '*khayra ummah*' dan generasi '*Quranik*' berdasarkan pendidikan moral Islami akan hanya berkecai dan kita menjadi satu lagi statistik kehancuran yang amat hina.

BEBERAPA KONSEP TAJUK KERTAS KERJA

Pascamodenisme

Pascamodenisme boleh dilihat dalam kerangka epistemologi (faham ilmu), aksiologi (faham tentang nilai) dan world-view (pandang tentang kehidupan). Secara ringkas, pascamodenisme adalah penolakan terhadap *grand-narratives* dalam rupa agama-agama besar, termasuk Islam dengan kebenaran-kebenaran hakiki abadi dan sekali gus berlakunya penolakan nilai-nilai mutlak (absolute) dan penekanan kepada kerelatifan nilai dalam semua perkara. Dalam konteks ad-din Islam, nilai-nilai pascamodenisme amat membahayakan nilai-nilai rabbani yang telah sebatu dengan Islam antaranya;

- i. Nilai-nilai pascamodensime bertentangan dengan akidah kerana pascamodenisme menolak rukun iman dan rukun Islam.
- ii. Ia menentang nilai-nilai rohaniah yang hakiki, menolak ibadat seperti sembahyang, puasa, zakat dan sebagainya
- iii. Ia menolak nilai-nilai moral dan etika yang mutlak dalam agama, dalam perspektif pascamodenisme tidak wujud nilai-nilai mutlak yang kekal dan mutlak dan kesemua nilai boleh dirasionalkan.
- iv. Ia menolak sistem hukum yang dibawa agama dalam bentuk syariat seperti Islam, dengan itu manusia akan tersesat tanpa panduan syariat sebagai penyelamat.

Dapatlah disimpulkan bahawa pascamodenisme adalah sekuens sejarah yang lahir daripada zaman moden sebagai perkembangan budaya. Pascamodenisme merupakan produk budaya dan gaya hidup baru sebagai pemikiran. Selain itu, ia merupakan cara pemikiran dan penterian baru tentang kehidupan manusia dan masyarakat hari ini. Ia merupakan sautu zaman yang penuh dengan panic; budaya yang panic; ideology yang panic dan teori yang panik.

Wajah Moral

Wajah moral secara sederhana adalah bermaksud gambaran nilai-nilai moral yang wujud pada masa kini. Gambaran nilai-nilai moral ini diterjemahkan menerusi watak, nilai diri, jati diri dan perlakuan individu dan masyarakat secara menyeluruh.

PENDIDIKAN MORAL¹

Betapa penting nilai akhlak² dan pendidikan moral³ hingga ia boleh menjadi faktor penentu jatuh-bangunnya sesuatu kaum, bangsa ataupun negara. Ia menjadi penentu hala tuju kemanusiaan sejagat dan memisahkan sifat-sifat kebinatangan dari nilai kemanusiaan. Petikan daripada sebuah syair Arab berbunyi (Mohd. Kamal, 1988);

“Sesuatunya bangsa itu tetap hidup selama akhlaknya tetap baik, bila akhlaknya sudah rosak, sirnalah bangsa itu.”

Sebagai rumusnya, sama ada tahap moral atau akhlak tinggi mahupun adab sopan yang baik, ini semua menggambarkan baik budi dan tinggi peribadi seseorang manusia. Ia pula perlu dipupuk melalui pendidikan terutamanya dalam tahap-tahap awal kehidupan individu itu. Dan manakah lagi tempat yang lebih lebih sesuai disemai benih yang baik dari dalam sesebuah institusi kekeluargaan. Ia seperti melengkapi sebuah kereta kebal lengkap dengan perisai pelbagai macam sebelum melangkah ke medan perang.

NILAI DAN CIRI-CIRI MORAL TINGGI

Tahap moral dapat diukur dari tiga perspektif asas. Pertamanya dari **perspektif peribadi**. Seseorang itu akan menimbang dahulu setiap gerak-langkah yang akan diambilnya, tentang kesannya ke atas dirinya di masa akan datang. Apakah tindakan tersebut akan mendatangkan manfaat atau mendatangkan mudarat. Baharulah kita mengukur tahap moral seseorang pada **perspektif sejagat**. Ia mengukur tindakan seseorang pada nilai masyarakat sejagat atau sekeliling. Jika sesuatu perlakuan itu bersesuaian dengan masyarakat sejagat dan dipersetujui, maka ia dianggap akan memberi kebaikan kepada persekitaran pelakunya. Ketiga baharulah kita membicarakan tahap moral pada **perspektif mutlak**. Ini merujuk kepada tahap moral yang dipandu oleh kepercayaan seseorang itu kepada kuasa yang terulung atau tertinggi. Ia akan menggalakkan seseorang itu memegang prinsip-prinsip moral kerana keyakinannya bahawa ini adalah kehendak *the superior power* atau lebih tepat dipanggil Yang Maha Kuasa iaitu Allah Tuhan Rabbul Jalil, Pencipta dan Pemilik sekalian alam.

Dengan pengelasan tahap moral seseorang itu, kita sepatutnya boleh mengenalpasti ciri-ciri dan nilai moral tinggi dalam ketamadunan manusia ini. Tahap perlakuan moral seseorang itu juga kita dapat lihat dari beberapa aspek. Kita akan melihat konsep moral dari kacamata pengkajian sekular mahupun dari perspektif Islam. Secara umumnya, konsep kemoralan sekular terbahagi kepada tiga tahap iaitu kemoralan agama⁴, kemoralan alam⁵ dan kemoralan sosial⁶.

Dari perspektif Islam pula, as-Syeikh Dr. Yusuf al-Qardawi memperincikan akhlak mulia bukan sahaja dalam ertikata sempit iaitu memelihara diri dari aspek maksiat jelas seperti yang berkait dengan minuman keras, wanita dan sebagainya sahaja. Bahkan, ia meliputi ertikata yang lebih luas seperti penyesuaian dan pengendalian diri, benar dalam perkataan dan baik dalam perbuatan, amanah dalam bermuamalah, berani mengeluarkan pendapat, adil ketika membuat keputusan, tegas dalam kebenaran, bulat tekad ketika membuat kebaikan, menyuruh

yang makruf dan mencegah yang mungkar, mementingkan kebersihan, menghormati peraturan dan sentiasa bertolong-tolongan dalam hal kebaikan dan ketaqwaan.(Mustafa Kamil Ayub, 1994). Pendekata, akhlak itu adalah pemakaian harian dan tingkahlaku penuh seseorang insan dari celik matanya hinggalah pejam ketika tidur.

ISLAM SEBAGAI KERANGKA MORAL YANG UNGGUL

Pernyataan bahawa Islam merupakan satu-satunya jalan penyelesaian terhadap permasalahan manusia bukanlah sesuatu yang baru. Ia diketahui umum sama ada oleh umat Islam yang berilmu, mahupun yang tidak berilmu, juga oleh orang-orang kuffar yang di dalam hati kecilnya sedar bahawa Islamlah agama fitrah yang amat bersesuaian dengan asal kejadian manusia itu sendiri. Sabda Rasulullah s.a.w mafhumnya;

“Sebaik-baik manusia di kalangan kamu ialah yang paing baik akhlaknya.”

Justeru, kemoralan Islamlah yang paling unggul sebagai model kemoralan umat sejagat. Kemoralan Islam berpaksikan kepercayaan dan keyakinan kita tentang kewujudan Allah, Tuhan Rabbul Jalil yang Maha Hebat dengan segala sifat-sifat keperkasaanNya. Ia juga bersandarkan keyakinan kita bahawa kita akan diaudit dan dipertanggungjawabkan di atas setiap langkah yang diatur, setiap gerak yang dibuat, setiap niat yang tersedik dan setiap kata yang tertutur pada hari di mana tiada perlindungan yang mampu menolong kita kecuali oleh Allah Azza Wa Jalla.

Kemoralan agama yang terpahat ini amat berkesan dan kukuh. Ia penting dan bemula dengan pemahaman kita terhadap hubungan dan taraf letaknya di antara kita dengan Tuhan. (Mohd. Janib, 1994) Menyedari bahawa manusia itu adalah hamba kepadaNya dan harus malah wajib menunaikan apa sahaja yang diperintahNya itu sudah cukup mengikat kita pada janji-janji kita untuk menjadi hamba yang taat dan beramal soleh.

Rasulullah s.a.w sendiri, yang diakui oleh Saiyidatina Aisyah sebagai manusia yang berperkertian al-Quran itu teramat mulia akhlaknya. Bahkan baginda pernah bersabda tentang misi dan tujuan kehidupan baginda di atas mukabumi ini. Ia berbunyi:

“Sesungguhnya aku tidak diutus melainkan untuk memperelokkan akhlak yang mulia”

Pendidikan Islam itu sendiri berpaksikan ketauhidan, berpokokkan dan berdaunkan syariat dan berbuahakan akhlak yang mulia. Bahkan, hasil dan manifsetasi iman dan amal soleh hanya boleh diukur melalui akhlak mulia muslim yang menandakan kesempurnaan interaksinya dengan Tuhan, alam dan manusia sekelilingnya sebagaimana yang diturunkan dalam al-Quran supaya hambaNya menjaga hubungannya dengan Allah dan hubungannya dengan manusia (Mohd. Janib, 1994);

Prinsip dan dasar moral agamalah yang terunggul kerana ia menghidangkan kepada manusia suatu doktrin moral yang ketat, konsisten dan ‘absolute’⁷. Ia dipreskripsikan oleh Tuhan Pencipta dan Pemilik langit dan bumi yang sudah tentunya maha Memahami penciptaan-penciptaanNya. Bahkan, doktrin kemoralan agama yang diajukan oleh Islam bersifat sejagat dan boleh diterima-pakai oleh semua bangsa, tidak kira sempadan geografi dan budaya. Islam, sebagai agama fitrah bahkan bukan sahaja diutus untuk semua manusia bahkan ia adalah

rahmat untuk seluruh alam. Sifatnya yang *sam'iyat* itu juga menjadikan ianya tidak tercabar oleh akal dan minda manusia. Ia tentunya boleh diterima dan dipertahankan apabila dihujahkan. Seperkara lagi ialah model yang mempraktikkannya merupakan insan yang tiada tolok bandingnya, Nabi Muhammad s.a.w. Bahkan pengiktirafan baginda sebagai individu terpuji datang sepanjang zaman, sejak dari zaman jahiliah lagi dengan panggilan al-Amin, yang bermaksud “orang yang paling amanah”.

Pada zaman pascamoden ini tidak kurang sarjana Barat yang mengakui keunggulan junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w. dari segenap aspek. Dengan sifat-sifat baginda yang berakhlak mulia dan berperibadi tinggi, Islam menjadi kukuh dan bisa menyinari alam. Ia disegani oleh musuh dan dikasihi oleh kawan. Jika dijadikan junjungan mulia, Nabi Muhammad s.a.w. sebagai pengukur keunggulan kemoralan agama berbanding lain, maka jelaslah, kemoralan agama memanglah unggul dan tiada tolok bandingnya.

AGEN PENDIDIKAN MORAL: PERANAN KELUARAGA & MASYARAKAT

Pepatah Melayu menyebut:

“jikalau hendak melentur buluh, biarlah dari rebungnya”.

Tidak syak lagi bahawa ketika masih kecillah, dan dalam keluargalah pendidikan asas dan pembentukan keperibadian itu mesti diberikan dasar yang jelas dan kukuh. Jika dalam pengkajian pendidikan Islam, sabda Nabi Muhammad s.a.w. yang amat penting tentang pendidikan ialah seperti terjemahan di bawah:

“ Bermain-mainlah dengan anak kamu pada usia 1-7 tahun, didiklah anak kamu pada usia 8-14, dan bersahabatlah dengan anak kamu pada usia 15-21”.

Dari hadis di atas, prinsip pendidikan dihuraikan dengan jelas, lengkap dengan peringkat dan fasa-fasanya. Kesemua fasa sebenarnya adalah fasa-fasa pendidikan⁸ dan pembentukan keperibadian anak-anak. Cuma yang berbeza adalah pendekatannya.

Sehubungan dengan perkara di atas, Professor Dr. Mohd. Kamal Hassan (1988) telah menyatakan bagaimana seharusnya akhlak didekati dalam pendidikan anak-anak demi melahirkan generasi madani. Menurut beliau, pendekatan boleh diambil dalam tiga peringkat:

- i. Membetulkan falsafah, kurikulum dan tujuan pendidikan. Akhlak tidak boleh diberikan tempat yang terasing, terpisah dan tersisih dalam sistem pendidikan kita.
- ii. Ilmu akhlak harus dipelajari secara praktikal dan bukan dengan pemahaman teori sahaja. Ia harus dilihat sebagai satu instrumen penting bagi mencapai keredhaan Ilahi. Usaha yang komited oleh para pendidik dari peringkat tadika hinggalah ke menara gading bagi mengasimilasikan dan menghayati akhlak yang mulia. Ini juga harus disokong dengan pembudayaan dan penguatkuasaan oleh pihak pemerintah.
- iii. Baharulah kita dapat melihat pendidikan akhlak yang berkesan itu mampu melahirkan generasi bakal pemimpin masyarakat dan negara yang tidak tamak kuasa atau harta, amanah, jujur dan adil dan akan mengutamakan kepenringan rakyat pada setiap masa dan keadaan.

Kesemua ini perlu diletakkan asasnya dalam institusi keluarga, baharulah berkembang ke peringkat kampung, mukim, daerah, negeri dan negara. Begitulah pentingnya keluarga dalam pembentukan akhlak anak-anak. Justifikasi bahawa *contact hours* anak-anak itu lebih banyak di rumah itu semestinya penting dan perlu dipertahankan. Sebab itulah, budaya '*nuclear family*' yang amat meluas dalam masyarakat globalisasi ini bisa merobek dan menghancurkan institusi pembentukan moral masyarakat kita. '*Contact hours*' di antara ibubapa dan anak diminimumkan mengakibatkan peranan mendidik itu terencat dan tidak mampu menghadapi arus peredaran zaman yang rakus ini.

Sudahlah begitu, tanggung jawab itu dipindahkan pula ke pundak pengamal-pengamal pendidikan dari berbagai lapis sistem yang juga sudah menghadapi *over-heating process* akibat gagal menyaingi pengaruh dan cabaran yang datang dari segenap sudut. Sampai bilapun, guru tidak boleh diharapkan untuk mendidik anak-anak kita dengan dasar-dasar pembentukan asas keperibadian. Mereka bukan mempunyai '*hereditary inclination*' terhadap anak kita. Mungkin untuk pemantauan dan pengembangan susulan dari apa yang telah dipupuk di rumah, mereka mampu melakukannya. Tetapi untuk menyuntik gagasan, misi dan wawasan, lebih-lebih lagi asas-asas kefahaman keimanan dan sahsiah mulia, mereka kekurangan autoriti, masa dan sumber untuk melaksanakannya. Mereka juga memikul seratus satu macam tugas lain daripada memberi ilmu, menguruskan kedatangan anak-anak kita, memberi semangat, menjaga persatuan dan entah bermacam-macam lagi, senarainya tidak akan putus.

Keluargalah yang lebih tepat menjalankan amanat Ilahi ini. Bahkan, Islam menegaskan tanggung jawab ini dengan hadis Nabi Muhammad s.a.w yang berbunyi (terjemahannya);

"Anak-anak adalah umpama sehelai kain putih, ibubapalah yang akan menjadikannya muslim, nasrani atau majusi."

Jelas menunjukkan betapa ibu bapa juga merupakan watak utama dalam drama pendidikan anak-anak terutama apabila berkait dengan soal keimanan dan keperibadian. Pihak lain mungkin boleh turut serta sebagai watak-watak tambahan apabila pengukuhan dan lanjutan dibuat di atas asas-asas yang telah dibentang dengan kukuh oleh ibubapa.

WAJAH MORAL MASYARAKAT MELAYU⁹

Pakej pascamodenisme telah bermula seawal 1960-an di barat dan entah bila akan berakhir. Momentum pascamodenisme ternyata begitu cepat menular dan menjalar ke seluruh urat saraf dan nadi kehidupan bermasyarakat, khususnya institusi keluarga. Uthman el-Muhamdy dalam Rumaizuddin (2000) menegaskan dari segi sosial dan kekeluargaan, nilai-nilai pascamodenisme akan menghuruharakan dan menimbulkan konflik yang tidak berkesudahan dengan '*gospel of relativity*' atau ajaran tentang kenisbian yang diberikan kedudukan *absolute* sedemikian. Dengan itu, menurut pascamodenisme akan menghancurkan habis-habisan realiti dan pentakrifan insan secara total sehingga wajahnya yang dipanggil oleh agama sebagai khalifah Tuhan di bumi dan hamba-Nya hilang lenyap.

Sejarah telah membuktikan bahawa keluarga besar (*extended family*) telah dihancurkan atas nama modenisasi dan akibatnya lahirnya keluarga kecil (*nuclear family*). Menurut Elkind (1995), "*...The components of the modern nuclear family reflected the fundamental beliefs of modernity*". Malah pada zaman ini telah muncul apa yang dikatakan keluarga alternatif yang telah diberikan kedudukan secara legal oleh perlembagaan khususnya di Amerika Syarikat seperti 'pasangan lesbian', 'pasangan homoseks' dan sebagainya. Hal ini berlaku secara

jaringan di merata dunia baik di barat mahu pun di timur. Menurut Elkind (1995), *“These postmodern themes of difference, particularity, and irregularity are increasingly transforming science, the arts and industry. They have also transformed the family and increasingly are transforming that mirror of the family, the school”*. Institusi keluarga semakin goyah dan lemah, khususnya keluarga Melayu Islam. Malah menurut Garett (1998), revolusi industri di barat telah memberi kesan kehidupan berkeluarga dengan munculnya apa yang dikatakan *“first sexual revolution”* dan *“the birth of romance”*. Menurut Elkind (1995);

“In the postmodern family, the sentiment of romantic love has given way to the sentiment of consensual love. With the sexual revolution of the 1960s and the social acceptance of premarital sex, the linchpin of romantic love-saving oneself for one’s fated partner-disappeared. Young people began to have sexual relations with those whom they had no intention of marrying. Individuals now have sex relations by mutual consent and without a lifelong commitment. The notion of consensual love has extended to marriage, and both men and women today marry with the awareness that divorce may well be in their future”.

Timbang tara kehidupan keluarga dan moral masyarakat barat menurutnya hanya berdasarkan akal dan nafsu semata-mata. Hal yang serupa turut meresap ke dalam jati diri masyarakat Melayu langsung menerima citra dan model kehidupan barat. Hal ini diperkukuhkan oleh pandangan Wan Liz (2000);

“Orang Melayu merupakan kaum paling banyak terbabat dalam pelbagai gejala social yang serius berdasarkan nisbah komposisi penduduk negara ini. Berdasarkan statistik rasmi yang Utusan Malaysia perolehi, orang Melayu merupakan kira-kira 60 peratus penduduk Malaysia, mencatatkan peratusan yang tinggi dalam kes penagihan dadah, kegiatan bohsia, melepak, seks antara muhrim, pelacuran serta jangkitan AIDS dan pembawa HIV. Orang Melayu juga mencatatkan bilangan peratusan tinggi dalam kes rogol serta kes pembuangan bayi. Lebih teruk lagi ialah mengikut perangkaan polis pada tahun 1997, bangsa Melayu menduduki senarai jenayah teratas sekali untuk kumpulan umur antara 10 dan 18 tahun”.

Sehubungan itu, modenisasi amat berbahaya sekiranya idea, pemikiran dan falsafah modenisasi itu ditiru bulat-bulat (adoption). Walhal kita mempunyai pilihan dan hak untuk menerima ‘apa’ yang baik dan sesuai dengan norma dan nilai Islam. Banyak pendekatan yang boleh diambil seperti manaerusi cara adaptasi dan akomodasi. Kedua-dua pendekatan ini sesuai dan wajar tapi jangan sampai ia menelan nilai dan system Islam tersebut. (Hassan, 1991)

Tradisional

Sebelum kedatangan penjajah nilai-nilai sosial dan budaya masyarakat Melayu belum lagi dicemari oleh kebudayaan barat. Sungguhpun tidak semua unsur-unsur social Islam itu dihayati seratus peratus, namun ia lebih baik dan membawa banyak perubahan di kalangan masyarakat tempatan yang pernah dipengaruhi oleh kebudayaan Hindu dan Buddha. Islamlah yang memainkan peranan dan menjadi teras dalam perubahan sosial masyarakat Melayu. (Zulkarnain, 1994)

Sejarah kerajaan Kesultanan Melayu telah banyak mempengaruhi system sosial termasuk pendidikan moral masyarakat Melayu. Pada zaman pemerintahan kerajaan Melayu Melaka

peranan ulama dan guru-guru agama memberi kesan terhadap institusi keluarga. Namun Imperialisme barat telah mencemarkan nilai-nilai budaya masyarakat Melayu. Menurut Syed Naquib al-Attas bahawa pengaruh budaya barat yang bermula sekitar abad ke-16 dan 17 telah membawa banyak perubahan dalam budaya dan ‘*welstancchung*’ masyarakat Melayu bukan sahaja ‘rupa’ tetapi yang lebih penting adalah ‘kejiwaan’ (Naquib, 1972). Menurut Abdullah (1995);

“Selain bahasa pasar, tinggalan lain zaman Portugis ialah agama Katolik yang telah berjaya sedikit sebanyak berjejak di Asia Tenggara terutamanya di Melaka dan Pulau Maluku”

Pendidikan moral alam Melayu selepas kedatangan Islam tidak terpisah daripada *al-Din al-Islam*. Ibu bapa dan keluarga lainnya turut menyumbang kepada pembinaan dan pembangunan moral seisi keluarga. Menurut Musnyi Abdullah dalam bukunya ‘Hikayat Abdullah’ mengatakan;

“Maka pada tiap-tiap pagi aku pergi mengaji ke tempat belajar dan malam diajar oleh bapaku dirumah. Bapakau memberi hokum akan daku katanya: ‘Hendaklah engkau pergi pada tiap-tiap hari lepas sembahyang Maghrib mengaji dalam masjid, kerana dalam masjid itu beratus-ratus orang akan keluar masuk”.

Kawalan sosial adalah bersifat sepunya dan masing-masing akan bertindak berdasarkan kapisiti peranan yang diberikan. Rasa hormat, rendah diri, sopan santun, budi bahasa dan nilai-nilai moral lain merupakan teras kepada integriti dan digniti keluarga. Selain itu, pendidikan moral bersifat merata dan sepunya apabila wujudnya perasaan ‘*esprit de coup*’ antara ahli masyarakat. Malah masyarakat Melayu menjadi sebuah masyarakat yang responsif terhadap fenomena sekeliling yang berlaku termasuk isu-isu moral masyarakatnya. Masyarakatlah yang bertanggungjawab mengaplikasikan konsep ‘*amar ma’ruf dan nahi mungkar*’. Misalnya isu pakaian wanita (*purdah*) pernah menjadi isu perdebatan dalam sejarah umat Melayu; walaupun isu ini adalah isu kefahaman aliran pemikiran namun ia tetap menjadi isu penting. (Khoo, 1991)

Dalam masyarakat tradisi, hubungan antara ahli masyarakatnya adalah begitu erat. Dalam sesebuah kampung misalnya, setiap orang di kampung itu saling kenal-mengenal. Sikap tolong-menolong, saling mengambil berat antara satu sama lain dan sebagainya meresap ke dalam jiwa setiap ahli kampung tersebut. Perhubungan sebegini erat secara tidak langsung menjadi satu bentuk kawalan sosial yang dapat memelihara tingkahlaku ahli masyarakatnya. Suatu perbuatan yang melanggar norma dan nilai masyarakat kampung tersebut akan cuba dielakkan kerana jika tidak, bukan sekadar nama diri sendiri akan tercemar, tetapi juga nama baik keluarga. Akan tetapi, dalam persekitaran Bandar yang telah mengalami proses urbanisasi dan industrilisasi, perkara-perkara yang disebutkan di atas amat sukar untuk ditemui. (Siti Fatimah, 1994). Hal ini ditekankan oleh Zulkarnain (1994):

“orang-orang Melayu juga begitu kuat berpegang pada adat sehingga lahirnya ungkapan iaitu “biar mati anak jangan mati adat”. Ini mencerminkan bahawa adat itu memainkan peranan penting dalam sosiobudaya masyarakat Melayu. Pergaulan juga adalah bebas tetapi terkawal dengan batas-batas agama dan adat yang menjadi sempadan. Pendidikan moral masyarakat Melayu pada ketika itu tergambar menerusi cara berpakaian, adat resam, pergaulan, percakapan yang hampir keseluruhannya tidak bebas nilai.

Masyarakat Melayu sebelum pengaruh imperialisme, industrialisme dan sekularisme amat sinonim dengan nilai moral dan akhlak yang tinggi dan terpuji. Rasa hormat anak-anak terhadap orang tua amat tinggi dan budi bahasa, sopan santun, keluhuran budi dan segala macam nilai moral yang terpancar menerusi budaya hidup tolong menolong dan bekerjasama mencerminkan pendidikan moral institusi keluarga masyarakat tradisi amat berkesan. Hal ini ditambah oleh beberapa faktor antaranya;

- Islam menjadi asas kepada budaya dan falsafah hidup masyarakat Melayu.
- Pemikiran dan asas hidup yang dinamik dan progresif khususnya dalam soal pendidikan moral. Anak-anak dididik, dibimbing dan dipantau sejak kecil agar menghormati orang tua, beradab, bertingkahtlaku, adab berkomunikasi dan sebagainya.
- Adat, nilai dan norma setempat mengukuhkan lagi pendidikan moral masyarakat Melayu.
- Budaya dan falsafah hidup masyarakat Melayu masih segar dan belum dipengaruhi oleh isme-isme modenisasi.
- Pendidikan moral (kawalan sosial dan isbat social) merupakan tanggungjawab secara kolektif.
- Sistem dan falsafah pendidikan Islam seperti sekolah pondok dan fardu ain merupakan teras membina akhlak generasi muda.
- Pergaulan dan interaksi sosial muda-mudai terbatas.
- Pengaruh media massa sangat minimal.

Pascamoden

Sistem keluarga di negara ini sedang menghadapi krisis yang hebat di mana sebahagian daripada ibu bapa sudah tidak dapat memainkan tanggungjawab dan melaksanakan yang sewajarnya untuk mendidik anak-anak mereka. Ini adalah di antara akibat daripada tekanan dunia yang semakin materialistik, letusan 'rat race' dan ceteknya pengetahuan agama. Sudah terdapat tanda-tanda institusi keluarga Melayu di Malaysia pada hari ini sedang melalui jalan kebinasaan dan keberantakan. Sebagai contoh pengantin gagal dalam temuduga yang dijalankan oleh Pegawai Jabatan Agama Islam di beberapa buah negeri. Sebahagian besar daripada mereka tidak mengetahui hukum asas fardhu ain, ibadat dan tanggungjawab suami-isteri atau kewajiban sebagai ibu bapa. Oleh itu, apabila mereka sudah mendirikan rumah tangga, pengetahuan cetek mereka dalam agama akan mencorak perlakuan dan sikap mereka terhadap pendidikan moral anak-anak dan institusi perkahwinan itu sendiri. (Wan Liz, 2000). Bukan sekadar itu, malah menurut Mohd. Shahir (2000), gejala keruntuhan sosial dalam keluarga dapat dilihat dengan meningkatnya perceraian di kalangan suami isteri, penganiayaan terhadap anak-anak, hilang perasaan kasih sayang sesama anggota keluarga dan memutuskan hubungan silaturrahim malah terdapat di kalangan anggota keluarga sendiri yang sanggup melakukan jenayah zina sesama mereka dan ada bapa yang sanggup merogol anaknya sendiri.

Masyarakat barat sendiri mengakui bahawa sistem keibubapaan yang longgar dalam tahun-tahun 80-an menghasilkan banyak generasi muda yang terbabit dalam jenayah, keluarga tidak stabil, gejala membunuh diri, lari dari rumah dan penyakit lain yang berpunca daripada kehilangan nikmat kebahagiaan hidup dan mental yang tidak tenteram. Mengikut pakar psikologi barat, salah satu daripada aliran pendidikan yang berasaskan kepada keibubapaan pemisif ini juga dikenali sebagai aliran liberal dan demokratif, ialah idea mengelak diri daripada mengajar nilai moral kepada kanak-kanak dengan teori bahawa apabila dewasa

mereka dapat memilih sendiri nilai hidup berdasarkan proses *'trial and error'*, yang mereka alami dari masa ke semasa. Teori ini ternyata salah dan meninggalkan kesan buruk yang parah dalam masyarakat barat. (Ismail, 1994). Fenomena di atas menurut Halstead (1999) sebagai berikut;

"The family is an arena in which virtually the entire range of human experience can take place. Warfare, violence, love, tenderness, honesty, deceit, private poverty, communal sharing, power manipulation, informed consent, formal status hierarchies, egalitarian decision-making-all can be found within the setting of the family".

GELOMBANG PERUBAHAN ZAMAN & KESAN TERHADAP INSTITUSI KELUARGA

Kita menyaksikan bahawa perkembangan ICT banyak membawa perubahan drastik dalam kehidupan manusia. Namun tidak kurang pula kesan negatif terutamanya ke atas pendidikan moral generasi masa kini dan yang akan datang.

Dunia semakin tua. Menurut pandangan barat, dunia kini sudah memasuki fasa akhir gelombang ketiga yang bermula seawal tahun 1950-an iaitu gelombang teknologi maklumat (IT). Ledakan maklumat dan teknologi telekomunikasi merupakan suatu gerakan antarabangsa untuk mewujudkan perkampungan global yang mempunyai kesamaan dari segi ideologi, nilai, sosiobudaya dan pemikiran yang kemudian dijelmakan menerusi komunikasi, tindakan dan amalan. Menurut Shahrom (2001),

"...jaringan teknologi informasi yang berlaku dalam semua bidang kehidupan telah menjadi sesuatu yang bersifat 'transparan' dan 'maya', tatkala tidak ada lagi kategori-kategori moral yang mengikatnya, tatkala tidak ada lagi ukuran-ukuran-nilai yang mengikatnya...".

Ciri perkampungan global dari segi ideology, nilai, sosiobudaya dan pemikiran yang diketengahkan melalui ledakan maklumat ini merujuk kepada model yang direkabentuk oleh pengasas dan penaja system teknologi maklumat dan teknologi telekomunikasi yang telah tersebar luas di seluruh dunia. Kedaifan kebanyakan Negara Dunia Ketiga dalam ilmu pengetahuan dan kemahiran teknologi maklumat dan telekomunikasi memungkinkannya mereka sukar untuk menolak gelombang yang besar dan berisiko ini. (Mohamad, 1995)

Perubahan-perubahan zaman memberi kesan langsung kepada perubahan-perubahan social yang berlaku sekarang dan ia merupakan hasil daripada penyalahgunaan dasar pembangunan dan pertumbuhan teknologi serta tidak mewujudkan satu system kawalan social yang berkesan. Ia tidak dimanfaatkan dengan betul dan sesuai dengan budaya hidup Islam. Oleh itu ia memberi pengaruh kepada institusi keluarga seperti pengecilan saiz keluarga, peningkatan bilangan wanita atau ibu bekerja, bilangan lelaki menganggur bertambah, bentuk penjagaan anak dengan mengabaikan pertumbuhan kerohanian sehingga kurang daripada 40 peratus (Berhanudin, 2000).

PASCAMODENISME & KESANNYA TERHADAP PENDIDIKAN MORAL INSTITUSI KELUARGA

Nilai-nilai Pascamoden telah lama meresapi setiap sendi kehidupan manusia. Tiada satu pun elemen kehidupan manusia masa kini yang tidak terpalit dengan '*makna moden*' bikinan barat baik dalam tatacara berekonomi, berpolitik, bersosial mahupun beragama. Nilai-nilai pascamodenisme amat berbahaya kepada masa depan beragama masyarakat. Tidak hairanlah dengan istilah moden umpamanya, Barat memahami bahawa zaman ini adalah zaman yang punya cara dan gaya serba baru, bukan gaya kuno dan lapuk lagi kolot dan usang. Justeru manusia moden, menurut takrifan barat, harus mendustakan semua perkara yang ghaib Menurut James Orr (1906) dalam Mohd. Sani (2000), 'merakamkan betapa kebanyakan '*manusia moden*' menolak perutusan Tuhan dan kerasulan (prophecy) kerana sifatnya yang ghaib. Nilai-nilai relatif yang berakar sejak revolusi industri pada abad ke-16 menggariskan enam konsep asas pemodenan iaitu (Idris, 1997):

1. Penyingkiran Tuhan dalam kehidupan dan kegiatan pembangunan.
2. Manusia dididik dan dilatih untuk menjadi '*kuda tunggangan*' pembangunan fizikal dan kebendaan.
3. Kebahagiaan hidup diukur dari keuntungan kebendaan.
4. Merelatifkan nilai-nilai moral dan akhlak manusia dan pencapaian ekonomi menjadi tumpuan dan pemujaan.
5. Agama tidak berperanan dalam pembangunan.

Hari ini konsep moden telah diperluaskan kepada pascamoden (postmodern). Pasca moden ini secara umumnya meningkatkan pembangunan dan kepenggunaan sains, seni dan industri (Elkind, 95). Malah lebih melampau, pascamodenisme ia mempertikaikan kemampuan akal rasional dan keunggulan manusia yang menjadi ciri penting modernisme.

Secara tidak langsung ia turut memberi kesan langsung terhadap nilai dan moral hidup dalam institusi keluarga. Karya Max Weber yang berjudul "*The Protestant Ethic and the Spirit of Capitalism*" pada tahun 1958 telah banyak mengubah paradigma dan latar institusi keluarga tradisional. Sekaligus gambaran keluaraga moden dengan ciri-ciri industri dan kapitalisnya telah memberi kesan besar terhadap pendidikan moral keluarga nuklear yang berteraskan tradisi kristian katolik. Namun begitu keadaan yang digambarkan oleh Max Weber itu tidak sama dengan masyarakat Melayu.

SENARIO PENDIDIKAN MORAL MASYARAKAT MELAYU MASA KINI

- Senario pendidikan moral masyarakat Melayu masa kini bersifat cacamarba. Berdasarkan pengamatan dan pemerhatian kami pendidikan moral masyarakat Melayu masa kini banyak bergantung kepada faktor-faktor dalaman dan luaran seperti taraf pendidikan, budaya hidup keluarga, kawasan tempat tinggal, taraf hidup dan sebagainya. Umumnya pendekatan pendidikan moral masyarakat Melayu Islam adalah berdasarkan faktor-faktor seperti berikut;
- Pendidikan moral masyarakat Melayu bersandarkan '*rule oriented morality*', dan tidak berasaskan pendidikan akhlak Islam. Malah ada segelintir ibu bapa menggunakan pendekatan liberal dan permisif. Iaitu biarlah ia bersesuaian mengikut trend masa kini.

- Peranan ibu dan bapa sebagai '*pendidik moral*' dalam keluarga lemah, tidak jelas dan terhakis. Hal ini kerana kurangnya pengetahuan teradap pendidikan moral berasaskan Islam. Akibatnya tiada kesedaran terhadap konsep dan jati diri Islam yang jelas. Tiadanya pengetahuan terhadap metodologi pendidikan anak-anak yang berasaskan Islam menyebabkan segelintir ibu bapa menjadikan anak-anak sebagai objek 'deraan' dan 'melampiaskan nafsu serakah' mereka.
- Ibu bapa lebih mementingkan pendidikan akademik-sekular berbanding pendidikan Islam. Hasrat mereka pada masa depan agar pendidikan yang anak-anak mereka perolehi akan memungkinkan mereka hidup selesa dan terjamin. Justeru berlakunya pengabaian dalam pendidikan moral.
- Goyahnya ikatan '*perkahwinan*' menjadikan keluarga tidak harmoni dan pendidikan moral tidak berkesan untuk membina dan membentuk akhlak anak-anak. Hal ini disebabkan oleh banyak faktor dalaman dan luaran seperti himpitan hidup, tidak sefahaman dan sebagainya.
- Pengaruh persekitaran seperti rakan sebaya, media massa dan hiburan sangat maksimal. Apatah lagi masa kualiti ibu bapa dengan anak-anak amat terhad dan tidak digunakan dengan bijaksana.
- Pendidikan moral masyarakat Melayu masa kini dianggap bersifat peribadi. Kawalan sosial oleh ahli masyarakat semakin lemah akibat interaksi sosial yang semakin terpinggir.

KEKANGAN PENDIDIKAN MORAL MASYARAKAT MELAYU

Kekangan yang dihadapi oleh masyarakat Melayu masa kini adalah berpunca daripada falsafah pembangunan yang bersifat sekularisme. Antara jelas dengan tidak konsep pembangunan dualisme ini telah mempengaruhi fikrah dan pembinaan keluarga dan masyarakat madani yang unggul. Hal ini kerana pembangunan moral (akhlak) agama dan kerohanian dikepong dan dihimpit oleh falsafah pembangunan sekular dan budaya hedonisme (Muhamad Syukri, 1987)

Kekangan Dalaman

- i. Kekangan utama ini telah secara tidak langsung memberi kesan terhadap institusi keluarga Melayu masa kini dal membina kekuatan akhlak dan moral keluarga. Antara faktor-faktor yang menyebabkan kekangan ini adalah:
- ii. Kurangnya pengetahuan terhadap metodologi pendidikan moral berlandaskan Islam. Menurut Halstead (1997), "*...parents generally have not had the professional training of teachers, are much less accountable for their actions, and may depend more on traditions passed on from generation to generation*".
- iii. Tumpuan masa kualiti (quality time) terhadap pembangunan moral-sakhsiyah anak-anak dan ikatan kekeluargaan. Terdapat tanda-tanda yang menunjukkan sehingga ada antara ibubapa yang terlupa tanggungjawab memesrai anak-anak akibat terlalu sibuk dengan dunia pekerjaan dan soal-soal peribadi. Sepatutnya

ibubapa memberikan kawalan dan penjagaan yang ketat serta mempunyai hubungan kekeluargaan yang rapat. Tetapi oleh kerana ibubapa sibuk dengan tugas-tugasnya menyebabkan mereka mengabaikan rasa tanggungjawab kepada anak-anaknya.

- iv. Ketiadaan '*role model*' yang ideal yang bersifat Islami dalam institusi keluarga. Saelain mendidik ibubapa perlu menjadi contoh yang baik kepada anak-anak. Jika anak-anak sekadar dididik dengan nilai sayings tanpa ibubapa menunjukkan sikap menyayangi itu dalam semua aspek kehidupannya, kesannya samalah seperti usaha ketam yang menyuruh anaknya berjalan lurus. Oleh itu contoh yang baik daripada ibubapa perlu bagi pendidikan moral anak-anak.
- v. Ukhuwah Islamiah antara ahli keluarga, jiran dan masyarakat sekitar semakin lemah dan goyah menyebabkan penglibatan ahli-ahli masyarakat dalam '*kawalan sosial*' (dibaca: pendidikan moral) semakin mengendur. Malah institusi keluarga sekarang ini tidak lagi menjadi sumber terpenting untuk anak-anak mendapat nasihat, menerima panduan dan bimbingan. Keluarga sekarang ini banyak memberikan tugas ini kepada sekolah dan orang tertentu (pengasuh). Perubahan fungsi keluarga ini membawa kepada longgarnya hubungan antara ibubapa dan anak-anak, terutama sekali anak remaja. (Asmah Bee, 2000)
- vi. Kemiskinan dan tidak berpendidikan.

Jelas sekali budaya dan falsafah hidup keluarga Melayu memainkan peranan yang besar dalam membina suatu kekuatan pendidikan moral keluarga. Jika ia dibina atas landasan yang tidak berkiblatkan Islami kesannya sudah dapat diduga. Jika Islam menjadi teras budaya dan falsafah hidup keluarga pasti ia akan memperolehi keberkatan dan keharmonian yang berpanjangan. Zaman pascamoden ini telah banyak menyaksikan keruntuhan keluarga Melayu Islam samada di bandar mahupun di luar bandar, samada kaya atau miskin, yang berpendidikan atau yang tidak berpendidikan. Apa erti senario ini, jika tidak budaya dan falsafah hidup yang tidak berlandaskan akhlak Islam.

Kekangan Luaran Pendidikan

Selain daripada kekangan luaran, kemelut akhlak-moral ini turut ditambah dengan kekangan luaran antaranya:

1. Pengaruh daripada rakan sebaya

Pengaruh rakan sebaya pula tidak boleh diambil ringan dalam mencorak kelakuan dan pemikiran anak-anak muda. Mereka yang terlibat dalam jenayah juvana, tidak berdisiplin, tingkahlaku lepak dan penagihan dadah sebahagiannya adalah akibat daripada dorongan dan ajakan rakan sebaya mereka yang bermasalah. Begitu longgarnya kawalan ibubapa terhadap anak-anak mereka telah menjadikan pengaruh rakan sebaya menjadi dominan sehingga mencorak personaliti dan sikap golongan remaja tersebut. Justru itu, ibu bapa harus mengambil berat dalam soal 'rakan sebaya' anak-anak mereka. Ibu bapa sekurang-kurangnya perlu tahu dengan siapa anaknya berkawan?, ke mana anaknya keluar? Dengan siapa anaknaya

keluara? Apa tujuannya? Dan sebagainya. Ini bukan bermakna mengongkong pergerakan dan aktiviti anak-anak. Apa yang penting ia mestilah dilakukan secara berhikmah.

2. Pengaruh daripada media massa

Peranan media massa yang merupakan wahana utama dalam menyebarkan unsur-unsur luar termasuklah yang negatif. Kebanjiran budaya kuning dan cara hidup barat yang *hedonistic* adalah akibat daripada pengaruh media cetak, televisyen satelit, televisyen, filem, video dan laser disc (DVD dan VCD). Di Malaysia sekarang ini terdapat lebih daripada 30 saluran televisyen tempatan, Indonesia, Thailand, Brunei, Filipina, Singapura dan termasuklah televisyen satelit seperti ASTRO DAN MEGA TV. Menurut Shahrom (2001), “...*seorang pakar komunikasi pernah berkata bahawa televisyen adalah agama masyarakat industri. Sebagai ‘agama baru’, televisyen telah meminggirkan agama-agama konvensional.*” Bayangkan dasar langit terbuka ini membuka ruang yang seluas-luasnya kepada pengaruh dan budaya kuning daripada barat mahupun timur sendiri. Hal ini tidak kurang pula yang berlaku kepada pelbagai akhbar dan majalah yang terdapat di pasaran. Kebanyakannya yang bersifat komersil itu, lebih banyak menghidangkan cara dan citra hidup para artis baik di Malaysia mahupun di luar negara seperti Hollywood dan Bollywood. Selain menampilkan cerita tentang keaiban, kelemahan dan hidup glamour orang-orang ternama dalam pelbagai bidang. *Reality TV* turut berperanan membina wajah moral masyarakat Melayu masa kini. Pelbagai rancangan yang bercorak hiburan yang ‘diciplak’ daripada Barat seperti *Survivor*, *American Idols*, *Apprentices* telah menjadi kegilaan di kalangan anak-anak muda dan masyarakat Melayu khususnya dengan pelbagai adegan dan hiburan yang ternyata melalaikan dalam siri-siri seperti *Auditions*, *Malaysia Idols*, *Akademi Fantasia* dan sebagainya.

Menurut Zulkiple (1997), beberapa kajian skala kecil yang dilakukan oleh Persatuan Pengguna Pulau Pinang dan Pelajar-pelajar komunikasi boleh dirumuskan sebagai berikut:

Dalam seminggu siaran televisyen, terdapat 57 pembunuhan, 350 perilaku memukul dan 365 perilaku menunjuk senjata.

- a) Secara puratanya, setiap kanak-kanak melihat televisyen 2 hingga 3 jam sehari pada hari biasa dan 3 hingga 4 jam pada hari minggu.
- b) Daripada 8 program yang paling diminati, tujuh daripadanya mengandungi nisbah keganasan yang tinggi.
- c) Separuh daripada ibubapa yang disoal selidik mengatakan mereka tidak mengawasi apa yang ditonton oleh anak mereka dan 2/3 mengaku mereka menjadikan televisyen sebagai ‘*babysitter*’ kepada anak-anak mereka.

3. Pengaruh internet dan dunia Siber

Pornografi terdapat dengan meluas melalui berbagai-bagai rangkaian komputer dan protocol seperti *Usenet*, *World Wide Web* dan *Bulletin Board Service (BBS)* yang dijalankan secara komersil. Selain, itu terdapat laman web yang dibina khas untuk memaparkan perlakuan lucah orang berbangsa Melayu juga terdapat ruangan untuk menceritakan pengalaman seks dan ‘*sex chatting*’ secara ‘*realtime*’. Kesemua bentuk ‘*hiburan*’ ini boleh dilayari oleh sesiapa sahaja di kafe siber dengan bayaran langganan yang murah. (Alim, 2000)

4 Pascamodenisme, Globalisasi dan Perubahan Sosiobudaya: Gelombang dan Cabaran Baru Yang Mencabar Pendidikan dan Sistem Moral Masyarakat Melayu

Menurut Martin (1990) dalam Fariza (2000), globalisasi merujuk kepada semua proses yang mana manusia di dunia ini akan bersatu dan menjadikannya satu masyarakat dunia (single world society), masyarakat global. Globalisasi menjadikan jarak, ruang dan waktu bersifat maya dan pendek; dimensinya boleh digerakkan secepat yang mungkin. Jaringan komunikasi manusia semakin cepat dan dekat. Maklumat dapat disalurkan dan diterima hanya dalam beberapa saat. Sekaligus, globalisasi memberi impak yang bukan sedikit terhadap budaya dan tamadun hidup manusia. Menurut Wan Hashim (1997);

“ Kita melihat globalisasi yang berselindung di sebalik dan akibat langsung ledakan teknologi maklumat merupakan suatu proses re-westernisasi atau imperialisme budaya, bahasa dan pendidikan yang berpengaruh dan mempunyai kesan melemah dan akhirnya meminggirkan proses Islamisasi. Ia menjadikan masyarakat Malaysia secara relatifnya lebih materialistic dan berorientasikan kepenggunaan (consumer-oriented), serta berorientasikan perniagaan untuk mengaut keuntungan sebanyak mungkin... ”.

Perubahan sosiobudaya yang dimaksudkan adalah penyesuaian cara hidup yang telah diterima akibat daripada faktor-faktor dalaman dan luaran. Akibat daripada proses penyesuaian budaya seperti asimilasi, akulturasi dan difusi dalam budaya hidup masyarakat daripada sumber-sumber yang kompleks dan rencam di merata dunia menerusi globalisasi. Sesungguhnya kesan dan impak globalisasi dalam pelbagai elemen kehidupan masih terus dibicarakan pada hari ini. Banyak sekali karya-karya penulis barat mahupun tempatan yang berkaitan dengan globalisasi dan kesanya kepada masyarakat seperti *'Islam, Globalization and Postmodernity'*, *'Jihad vs. McWorld (Benjamin R. Barber, 1995)*, *'States of Minds' (Richard Kearney, 1995)*, *'Predicting the Future (Leo Howe dan Alan Wain, 1993)*, *'Malaysia Menangani Globalisasi: Peserta atau mangsa? (Noraini Othman dan Sumit K. Mandal. eds)*, *'Realiti dan Ilusi Kehidupan Dalam era Siber' (Shahrom TM Sulaiman, 2001)*

Pada masa kini, banyak pihak lebih melihat gelombang globalisasi sebagai satu cabaran terhadap ekonomi. Ekonomi menjadi mauduk penting dalam dunia globalisasi. Ramai sarjana seperti Alvin Toffler, Peter F. Drucker, Richard Crawford dan Hamish McRae menyatakan abad ke 21 lebih menekankan kepada pembangunan modal manusia (human capital). Justeru itu, kebanyakan daripada wewenang bertungkus lumus bersiap siaga untuk menyediakan asas-asas pembangunan ekonomi yang sekukuhnya. Perancangan strategik dan infrastruktur pembangunan sumber-sumber manusia dan bukan manusia digagas dan dirancang dan dilaksanakan samada untuk jangka panjang atau jangka pendek. Kesemua ini dilakukan kerana takut kalau-kalau negara dan masyarakat tidak mampu bersaing pada pasaran terbuka. Menurut Idris (1997),

“...namun kita tidak dapat lari dari satu hakikat bahawa dasar atau falsafah liberal-kapitalis di mana soal kemajuan material dan keuntungan kewangan menjadi titik hitung paling utama. Kemudian faham pragmatis pula menyokong keseluruhan agenda-agenda pembangunan tersebut”.

“Seiring dengan kebanggaan kita Melayu menjadai jutawan, usahawan, cendekiawan dan pahlawan dan serentak dengan itu juga kita wajar berkabung kerana ramainya Melayu menghidap AIDS, seks bebas, melepak, pengkhianat bangsa dan pelbagai lagi. Justeru kita kini berhadapan dengan persoalan survival Melayu dalam konteks globalisasi, dunia tanpa sempadan, teknologi maklumat dan multimedia. Orang Melayu terhimpit untuk mengekalkan jati diri

dan akal budi dalam hembusan pawana ekonomi dunia yang terbuka luas, himpunan kekayaan yang melimpah ruah, penyaluran maklumat tanpa batasan, dan asimilasi nilai yang berterusan antara timur dan barat”.(Mustafa Kamil, 1998)

Dewasa ini kebanyakan daripada keluarga memandang mudah akan pendidikan moral dan asuhan terhadap anak-anak. Malah kebanyakan daripada mereka berpendapat sama seperti Donald dan Benjamin (1968);

“told parents they did not have to go to college or read heavy books to be good parents. They had only to use their clear-headed common sense and their natural inclinations, and they would easily be “good enough” parents.

Ramai pakar dalam bidang psikologi, kaunseling dan kekeluargaan melihat fenomena globalisasi ini akan membina sebuah keluarga maya (virtual family) dengan nilai, norma dan moral yang bersifat maya. Justeru itu, keluarga maya akan menyebabkan keberantakan yang lebih parah akan berlaku dalam institusi yang tertua di dunia ini. Maka akhirnya benarlah pepatah Inggeris yang berbunyi *“corrupt parents makes corrupt children”*. Namun begitu masih ada sarjana barat yang prihatin akan peranan keluarga dalam pendidikan moral dan antaranya Wilson (1990) menyatakan;

“...the family is the best context for moral learning, because it provides a secure framework in terms of group identity, it satisfies the need for a personal identity in terms of feeling confident, successful, useful and wanted; it puts the child in close personal contact with adults who provide authority of the desire for intimate response and the approval of one’s kind.

Cabaran Pendidikan Moral Masyarakat Melayu Pada Zaman Pascamoden

Sesungguhnya abad ini, merupakan suatu cabaran yang amat besar dan mencabar. Masyarakat Melayu yang semakin hari dihipit dengan nilai materialistik dan hedonisme harus bekerja keras untuk mengembalikan jati diri Islam yang sebenarnya. Peranan setiap individu dalam keluarga khususnya ibu dan bapa pada dunia *‘hiper realiti’* (memetik Shahrom, 2001) amat penting dan ia memerlukan komitmen dan *‘jihad’* yang besar. Hal ini kerana pernyataan-pernyataan di bawah menunjukkan bahawa pendidikan moral semakin penting diberi penekanan untuk membina keluarga dan masyarakat yang berakhlak luhur.

“Today parenting is seen as shared not only between mother and father, but also with other caregivers. It is certainly true, of course, that despite this changed sentiment mothers still do the lion’s share of child rearing and homemaking”. (Elkind, 1997)

“Children, in turn, are now seen as competent: ready and able to deal with all of life’s vicissitudes. This new perception of children, however, did not appear because of some new and revolutionary finding about children”. (Halstead, 1999)

“...Adolescent today are seen as sophisticated, as quite knowledgeable about sex, drugs, sexually transmitted diseases, AIDS and modern technology. This new perception is again reflected in media portrayals of teenagers who are sexually

active, who may be using drugs, and who consider themselves equal to their parents in decision-making competence". (Garrett, 98))

"Menurut pakar sosiologi tersohor abad ini, dunia siber akan melenyapkan batas-batas social dalam masyarakat kontemporari, khususnya batas-batas antara dunia anak-anak dengan dunia orang dewasa menerusi 'transperansi' media. Ketika anak-anak menyaksikan tontonan-tontonan yang merupakan dunia orang dewasa menerusi video dan komputer (video atau disket porno), maka secara sosiologisnya batas dunia anak-anak dengan orang dewasa. Tidak ada lagi rahsia yang masih tersisa buat anak-anak dan dunia orang dewasa adalah pantang larang dan tabu (pendidikan moral)". (Shahrom, 2001)

MODEL PENDIDIKAN MORAL INSTITUSI KELUARAGA MELAYU


Dalam menelusuri masa depan dengan penuh cabaran, masyarakat melayu Islam tidak ada pilihan melainkan menghadapinya dengan segala persediaan kekuatan jatidiri dan berlapangan dada untuk membaiki kelemahan diri. Dalam mengharungi cabaran-cabaran yang dinyatakan dalam kertas ini, institusi keluarga adalah merupakan institusi yang paling utama dan penting dalam menyalurkan perubahan-perubahan positif didalamnya. Abdullah Nasih Ulwan mengatakan bahawa sebab itu Islam menekankan dan memfokuskan perihal penting pendidikan anak-anak dalam kontek kekeluargaan Islam. Nilai-nilai asas seperti ketaqwaan, keikhlasan, hormat-menghormati, kasih sayang dapat diterapkan didalam keluarga. (Abdullah Nasih Ulwan: 1988) Walaupun kita tahu anak-anak tersebut akan berkecimpung dalam masyarakat dan menghadapi pertembungan nilai, maka disinilah peranan institusi social yang lain dalam melaksanakan konsep kawalan social. Kawalan sosial tidak mungkin terlaksana tanpa tanggungjawab dari anggota masyarakatnya. Almarhum Prof. Ismail Faruqi mengatakan bahawa;

"Moral obligation is impossible without responsibility or reckoning. Unless man is responsible and somehow and somewhere he will reckoned with as far as his deeds are concerned"





Dalam masyarakat melayu, istilah yang dipakai bagi menggambarkan perihal kelakuan ialah Akhlak. Dalam pandangan hidup Melayu istilah akhlak berkaitan dengan konsep makhluk dan khaliq iaitu Penciptayang merujuk kepada kehalusan budi makluk berdepan dengan Penciptanya. Sedangkan istilah moral tidak mencakupi dimensi kewujudan Tuhan dan kehadiran Allah s.w.t. (Baharudin, 2001). Semua istilah yang dipakai ada konotasi dan implikasi pandangan hidup yang berbeza.

Dalam konteks pendidikan formal,kita berpendapat bahawa falsafah pendidikan negara dan kurikulum bersepadu yang dibentuk mampu membina nilai-nilai murni pada pelajar. Soalnya sejauhmana perlaksanaannya dan modus operandinya. (Mohd Kamal, 1989).

Rajah 1: Model Pendidikan Keluarga Islam



PETUNJUK MODEL

-  IBU BAPA (KELUARGA)
-  PENDIDIKAN FORMAL
-  CABARAN ICT/GLOBALISASI
-  INSTITUSI SOSIAL-MASYARAKAT

Berdasarkan Rajah 1, dipaparkan di atas, maka kita boleh melihat bahwa seperti yang diutarakan oleh al-Ghazali dalam *'ihya ulumiddin'* dan Rousseau dalam *'Emile'* (Ghazali, 1988) bahawa keluarga itu merupakan tunggak kepada pendidikan dalam masyarakat dan dalam kes ini pendidikan moral. Ada beberapa entiti yang bergabung dalam model yang dicadangkan oleh penulis. Perlulah kita bincangkan satu-persatu.

1. Keluarga Islam - keluarga jika kita perhatikan, membentuk “*core*” atau “*base foundation*” (asas-teras) dalam model tersebut. Ia berperanan sebagai *a vital Value-Realizing Institution* atau sebuah Institusi Realisasi Nilai yang amat mendesak. Keluarga, dengan sifat-sifatnya sebagai institusi pendidikan, keselamatan, reproduksi dan lain-lain merupakan tempat yang paling tepat untuk menyemai nilai-nilai keimanan dan akhlak mulia iaitu “*Islamic Worldview and Islamic Values*” atau Ilmu Tasawwur Islam dan Sistem Nilai-nilai Islam . Ini menjadi “*pre-requisite personal quality*” atau Syarat Asas Keperibadian Berkualiti yang nantinya akan berupaya mengharungi seribu satu macam cabaran dunia alaf baru ini. Untuk mencapai tahap ini, keluarga perlulah mempunyai beberapa kualiti tertentu Antaranya:

- a. Sebuah keluarga harus berupaya menjadi “*the driving force*” dan memberikan “*guiding ideas*” kepada anak-anak. Oleh yang demikian, adalah sangat perlu , ibubapa dalam zaman “*Information and Communication Technology*” (ICT) ini memperlengkapkan diri mereka dengan ilmu-ilmu *duniawi* dan *ukhrawi*. Mereka mestilah menjadi “*knowledgeable parents*”. Celik tentang maklumat-maklumat terkini dan teknologi perkomputeran serta berupaya melayari internet.
- b. Ibubapa juga harus menjadi “*role models for changes*”. Mereka tidak hanya mengarah atau menunjuk-arah bahkan mempraktikkan apa yang diajari dan menyertai perubahan demi menunjukkan anak-anak tentang bagaimana perubahan harus dihadapi dan ditangani (*managing changes*)
- c. Ibubapa juga perlu menjadikan diri mereka sebagai penjana kreativiti emosi anak-anak. Emosi anak-anak perlukan dipantau dan disalurkan secara kreatif ke saluran-saluran yang bertepatan dengan syara’ dan nilai-nilai kemanusiaan sejagat.
- d. Perkembangan potensi anak-anak juga perlu seimbang dan unsur-unsur seperti kognitif (inkuiri), afektif (emosi), kreatif (estetik), bahasa (sosial), psiko-motor (fizikal) perlulah diberi perhatian yang seimbang dan saksama. Ketidak-seimbangan bermakna akan pincanglah anak-anak kita apabila melayari dunia teknologi maklumat yang sungguh global ini.
- e. Justeru, untuk mencapai semua ini, kemahiran yang amat penting kepada ibubapa ialah “*family management*”. Inilah kemahiran yang masih belum dibincangkan dan diwacanakan secara ekstensif dalam kerangka pendidikan kekeluargaan melayu. Kita banyak membicarakan tentang keilmuan asas *fardhu ‘ain* dan *fardhu kifayah* bakal-bakal ibubapa tetapi biasanya membiarkan mereka belajar kemahiran mengurus keluarga melalui “*trial and error basis*” atau “*far-end technique*” tanpa memberikan panduan-panduan yang deskriptif terhadap “*family and crisis management*”

2. Anak-anak – anak-anak pula lebih menjadi individu yang berada di “*receiving end of the process*”. Mereka boleh dilihat dalam dua watak:

- a. Menerima perubahan melalui tauladan- anak-anak lebih mudah melihat gerak-geri individu di sekelilingnya dan meniru gaya mereka. Kaedah penurian memang merupakan kaedah yang paling kerap digunakan oleh kanak-kanak hingga ke peringkat adolescence atau remaja jika dikaji dari perspektif psikologi. Oleh yang demikian, amat tepatlah jika kita menghidangkan kepada mereka contoh-contoh teladan yang mulia untuk ditiru.
 - b. Kanak-kanak juga merupakan kumpulan yang paling aktif dan pantas perkembangan emosinya dalam sesebuah keluarga. Ini akan memberikan ibubapa sedikit cabaran apabila berhadapan dengan mereka. Oleh yang demikian, sikap sabar dan bijaksana harus menjadi dasar kepada proses ini.
- 3. Pendidikan formal-** peranan pendidikan formal di sekolah haruslah menjadi pelengkap (complimentary) dalam proses pembentukan akhlak kanak-kanak. Ia tidak boleh dipertanggung-jawabkan sepenuhnya lantaran sifatnya yang kurang autoritatif dan hubungan afektifnya yang terhad ke atas kanak-kanak. Justeru, tarafnya sebagai pelengkap amatlah sesuai.
- 4. Institusi sosial dan masyarakat-** selari dengan falsafah pendidikan, masyarakat haruslah bertindak menjadi pemantau dan pengawal terhadap perkembangan pendidikan anak-anak. Ia menjadi social control yang sentiasa memerhatikan anak-anak dalam perkembangan hariannya. Ini adalah '*social obligation*' setiap individu masyarakat. Falsafahnya ialah '*amar ma'ruf nahi mungkar*' yang amat dianjurkan oleh Islam. Inilah yang menjadi kunci kejayaan pendidikan ketamadunan umat Melayu dan mana-mana ketamadunan Timur masa lampau. Bahkan, pemerintah yang sifatnya adalah penguatkuasa juga amat pentingnya. Ini adalah kerana sifat pendidikan itu haruslah berlaku dua-hala. '*Top-down*' dan '*bottom-up*'. Keluarga sahaja tidak mampu berjaya jika produknya yang bermutu tinggi terhumban ke dalam suasana kedurjanaan yang akan akhirnya menranapkan '*defense mekanisme*' yang telah diperlengkapkan kepada anak-anak. Justeru, peranan masyarakat sama pentingnya dalam memastikan generasi masa depan yang berakhlak mulia dan bermoral tinggi.

Kesimpulan

Rumah tangga memainkan peranan penting dalam pembentukan sahsiah dan moral seseorang, keadaan rumah tangga akan membentuk akhlak seseorang. Daripada keluarga, seseorang akan tahu jenis agama, ibu bapa seseorang. Pengajaran dan pendidikan di rumah amat memberikan kesan kepada perkembangan pembesaran anak-anak. Didikan yang salah dan asuhan yang tidak dirancang akan menghasilkan perilaku yang tidak diinginkan. Ibu bapa yang berpendidikan tidak semestinya melahirkan anak-anak yang terdidik begiru juga ibu bapa yang kuat berpegang dengan system nilai agama juga tidak semestinya melahirkan anak-anak yang soleh, sebaliknya ajaran dan didikan yang bersistem dan konsisten biasanya dapat membentuk akhlak dan moral yang baik kepada anak-anak dan generasi masa depan.

RUJUKAN

- Abdul Nasih Ulwan (1988). *Pendidikan Anak-Anak dalam Islam*. Singapura: Pustaka nasional.
- Alim Mujahid (2000). "Cybersex Melayu". dalam *Tamadun*. Bil.71. m/s. 59.
- Baharuddin Ahmad (2000). "Kehilangan Makna Asal: Pengajaran Bahasa Melayu di Persimpangan Jalan". dalam *Majalah al-Hikmah ISTAC*. No.18. Bil.1. m/s 12.
- Berhanuddin Abdullah (2000). "Masalah Sosial: Strategi Penyelesaian Menerusi Organisasi Dakwah". dalam *Dakwah dan Perubahan Sosial* m/s. 144.
- Elkind, David (1995). "School and Family in the Postmodern World". dalam *Journal of Moral Education*. Bil.77. m/s. 7.
- Fariza Md. Sham et al. (eds) (2000). *Dakwah dan Perubahan Sosial*. Kuala Lumpur: Utusan Publications dan Distributors Sdn. Bhd.
- Ghazali Darusalam (1997). *Dinamika Ilmu Akhlak Islamiah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Ghazali Basri (1988). "Rousseau's Child Educational Deveopment Theory Seen In The Light of al-Ghazali's Thoughts", dalam *Jurnal Pendidikan Islam*, Thn.2-Bil.7, Biro Pendidikan ABIM.
- Halstead, J.M. (1997). "Muslim and Sex Education". dalam *Journal of Moral Education*. 26. m/s. 317.
- Ismail Faruqi (1992). *Tauhid Its Implications for Thought and Life*. Herndon: IIIT.
- Ismail Hussein, Wan Hashim Wan The dan Ghazali Shafie (1997). *Tamadun Melayu: Menyongsong Abad Kedua Puluh Satu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Idris Zakaria. (1997). "Kemajuan Negara Dan Gejala Sosial: Kupasan Falasafah". dalam *PEMIKIR*, Jul-Sept. m/s. 158.
- Mohd. Janib Johari (1994). *Moral : Teori Aplikasi dan Permasalahan*. Penerbit Universiti Teknologi Malaysia: Skudai.
- Mohd. Kamal Hassan (1989). "Values Education Framework Based on Islamic Concepts and Precepts" dalam *Jurnal Pendidikan Islam*. Jld.2. Bil. 3. m/s 23.
- _____ (1988) "Peranan Akhlak Dalam Pendidikan Islam" dalam *Jurnal Pendidikan Islam*, Thn.2-Bil.7, Biro Pendidikan ABIM. M/s 32.
- Mohd. Sani (2000). "Kebudayaan Barat dan Pegangan Hidupnya". dalam *RISALAH*, bil.3/99. m/s 21.
- Mohd. Shahir Abdullah (2000). "Masalah Sosial: Strategi Penyelesaian Menerusi Organisasi Dakwah". dalam *Dakwah dan Perubahan Sosial* m/s. 161.

- Muhammad 'Uthman el Muhammadiyah (1987). "Islamic Solutions to the Spiritual and Moral Crisis of Present Day Society" dalam *Jurnal Pendidikan Islam*, Thn.2-Bil.5, Biro Pendidikan ABIM, 1987
- Mustafa Kamil Ayub (1998). "Menangani Dilema Orang Melayu". dalam *Dewan Masyarakat*. Bil.7.Jil.36. m/s. 23.
- Muhamad Haji Ikhsan (1995). "Ledakan Maklumat dan Perubahan". dalam *Dewan Masyarakat*. Bil.4.Jil.33. m/s. 23.
- Nik Mustapha Nik Hassan dan Mohd. Ridhuan Tee Abdullah (eds.) (1994). *Islam dan Kemajuan Masyarakat*. Kuala Lumpur. IKIM.
- Mohd. Rumaizuddin Ghazali (2000). "Pascamodenisme: Kesan Kepada Akidah Umat Islam dalam *Risalah*. Bil. 3/2000.
- Shahrom TM Sulaiman (2001). *Realiti dan Ilusi Kehidupan Maya dalam Era Siber*. Selangor: Mahzum Book Services.
- Siti Fatimah Abdul Rahman dan Hamiza Ibrahim (eds.) (1994). *Islam: Penyelesaian Permasalahan Zaman Moden*. Kuala Lumpur. IKIM.
- Wan Liz Wan Omar (2000). *Gagasan Alaf Baru: Mencetus Kebangkitan Malaysia Membina Keagungan*. Selangor: Thinker's library Sdn. Bhd.
- Wilson, J. (1990). *A New Introduction to Moral Education*. London: Casell.
- Zulkiple Abd. Ghani (1997). "Kesan Media Massa Terhadap Perubahan Sosiobudaya". dalam *Tamadun*. Bil.40. m/s. 41-42.
- Zulkarnain Yusoff. (1994). "Budaya Barat dan Pengaruhnya dalam Masyarakat Melayu". dalam *Dewan Islam* Jilid 1:3, m/s 18-19.

¹ Takrifan linguistik harus dilihat dari asal perkataan moral sendiri iaitu *moralis*, dari bahasa Latin, yang bermaksud 'customs and manners' atau adat resam dan adab. Moral secara amnya boleh dimengertikan sebagai tatasusila mulia atau adab sopan. Ada beberapa perkataan yang amat rapat hubungannya dengan moral seperti nilai, norma, etika, 'manners' dan akhlak. Kesemuanya mempunyai konotasi yang amat rapat. Nilai bermaksud prinsip kualiti yang mewarnai sistem sosial sesuatu kelompok manusia. Maka berjaya atau tidak seseorang individu itu menyesuaikan dirinya ke dalam suatu kelompok masyarakat bergantung kepada kejayaannya dia menjiwai dan mengamalkan nilai pegangan masyarakat tersebut.

Norma atau 'norms' pula merupakan suatu peraturan informal yang dipegang oleh kelompok masyarakat. Ia berbentuk batasan. Seseorang yang melanggar norma-norma sesuatu masyarakat itu menunjukkan kegagalannya mentaati kontrak sosialnya dengan masyarakat tersebut. Bagaimanapun, norma tidak konsisten di antara satu masyarakat dengan masyarakat yang lain. Contohnya, dalam masyarakat Barat, mungkin seseorang yang bersendawa ketika di meja makan itu tidak mematuhi norma akan tetapi di negara kita, ia dianggap perkara biasa.

Etika atau 'ethics' atau 'ethos' dalam bahasa Greek, bermaksud perlakuan seseorang. Pada masa kini, etika lebih berkisar pada makna pegangan nilai baik yang mendasari sesuatu amalan masyarakat atau profesion. Contohnya, profesion kedokteran ada etikanya, begitu juga profesion guaman dan undang-undang. Ia merujuk kepada tindak-tanduk kita yang dianggap menyalahi nilai baik dalam ruang lingkup kecil komuniti tersebut. 'Manners' pula merujuk kepada sopan santun dan perlakuan yang beradab. Ia mempengaruhi penilaian terhadap tahap kemoralan seseorang. Seseorang

yang perlakuannya tidak bersopan bagaimanapun tidaklah sampai menjadikan ia tidak bermoral. Cuma ia kurang manis atau kurang bijaksana.

² Akhlak adalah paduan kepada konsep-konsep di atas. Ia menggambarkan keperibadian seseorang, budi pekertinya dan cara ia menyesuaikan diri pada setiap masa dan keadaan. Seseorang yang berakhlak mulia akan disenangi oleh orang di sekelilingnya. Malah lebih jauh daripada itu Islam memandang akhlak sebagai buah kepada iman dan tidaklah dianggap kuat iman seseorang yang tidak mantap akhlaknya. Akhlak dalam pengertian yang luas tidak sama seperti moral. Menurut Ghazali (2001) pengertian akhlak amat jelas berbanding moral kerana;

1. Ia merangkumi zahir, batin dan pemikiran.
2. Ia mementingkan hubungan dengan al-Khaliq.
3. Ia berpandukan al-Quran dan al-Hadis.
4. Ia bersifat mutlak.
5. Matlamatnya untuk keredaan Allah s.w.t.
6. Ia bersifat universal dan sempurna.

³ Pendidikan pula sering ditakrifkan sebagai proses bagi mengubah tingkahlaku seseorang itu hasil dari pengalaman, pengetahuan dan kemahiran yang dipelajarinya (Mohd. Kamal, 1988). Falsafah Pendidikan Negara (FPN) mentakrifkan pendidikan sebagai usaha yang berterusan bagi memperkembangkan potensi individu pelajar yang seimbang sama ada dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelektual (JERI). Ini sesuai dengan pentakrifan pendidikan yang diutarakan oleh as-Syeikh Dr. Yusuf al-Qardawi iaitu pendidikan itu harus bersifat utuh, ia mencakupi akal dan hati, rohani dan jasmani serta akhlak dan ketrampilan.

⁴ Pertamanya, tahap kemoralan yang tertinggi iaitu **kemoralan agama**. Kemoralan ini sebenarnya adalah kemoralan tahap tertinggi lantaran asasnya iaitu kepercayaan dan keyakinan terhadap alasan yang abstrak sebagai asas perlunya berperilaku bermoral. Sebagaimana kita tahu, agama banyak memperkenalkan konsep-konsep yang abstrak dan ghaib seperti kekuasaan tuhan, hari pembalasan dan sebagainya yang agak sukar untuk difahami dan ditaakuli menggunakan akal manusia yang amat terbatas kebolehnya. Justeru dengan keadaan ini, perlakuan bermoral yang berasaskan kepercayaan kepada perkara-perkara yang non-fizikal tentunya memerlukan keyakinan yang kuat dan penuh. Sebagai contohnya, kita takut untuk melanggar undang-undang jalanraya kerana kewujudan penguatkuasaan yang jelas seperti pasukan polis dan Unit Penguatkuasa Jabatan Pengangkutan Jalanraya. Akan tetapi, keyakinan kepada perkara ghaib seperti iman kepada Allah, pembalasan dari alam kubur hinggalah ke mizan, titian sirat dan dihumban ke api neraka tidak dapat dibayangkan melainkan berlandaskan perkhawaran dalam al-Quran dan as-Sunnah. Ia tidak berbentuk ancaman fizikal.

⁵ Keduanya dipanggil **kemoralan alam**. Kemoralan alam merujuk hubungan manusia dengan alam semulajadi dan tanggungjawab memelihara keindahan dan kesejahteraan alam sekelilingnya. Ini penting demi menjamin kesejahteraan kehidupan dan survival manusia itu sendiri di masa akan datang.

⁶ Yang ketiga ialah **kemoralan sosial**. Ini merupakan aspek terpenting dalam kemoralan seseorang itu dari kacamata sekular kerana manusia tidak boleh hidup sendirian dan memerlukan manusia sekelilingnya. Untuk itu, dia mestilah boleh diterima dengan baik oleh orang sekelilingnya. Ini akan dicapai apabila tingkah lakunya bersesuaian dengan prinsip-prinsip moral dan orientasi nilai masyarakat sekelilingnya. Melalui interaksi yang baik ini, keharmonian akan tercapai dan pergaduhan serta perselisihan dapat dielakkan.

⁷ Moral agama merupakan disiplin yang ketat, kerana ia tidak menyediakan kekecualian dan pintu belakang atau jalan mudah untuk mana-mana individu. Ia juga tidak bersifat '*double standard*' bahkan ia lebih berat dipraktikkan ke atas orang yang lebih berpangkat dan berpengaruh berbanding dengan orang awam.

Moral berlandaskan agama ini bersifat mutlak dan konsisten. Asas akhlak dan prinsip ketauhidan dan syariat Islam tidak pernah berubah. Hukum-hukumnya jelas tanpa sebarang kekeliruannya sejak ia diturunkan di zaman Rasulullah s.a.w lagi hinggalah ke zaman ini. Ia berlandaskan wahyu yang tidak terbanding dengan akal manusia dan tentunya tidak bisa dicabar oleh akal manusia.

Dasar moral agama amat kukuh- ia tidak mempunyai sebarang cacat dan celanya. Bahkan ia bersifat '*absolute*'. Selagi seseorang itu beriman, tidak kira di mana dan bila, ia akan sentiasa sedar bahawa ia

dipantau oleh malaikat dan diperhatikan oleh Allah. Malah W.M Dixon mengakui bahawa walau apapun keadaan penerimaan kita terhadap kemoralan berasaskan agama, ia tetap “*merupakan dasar yang paling kuat bagi moral*”.

⁸ Ketika usia kurang 7 tahun (**peringkat pertama**), kanak-kanak perlulah dididik dengan konsep “bermain-main” iaitu teknik yang lebih hampir dengan simulasi, cerita-cerita pedoman atau mungkin juga permainan yang disusuli dengan penerangan tentang moralnya.

Peringkat yang kedua pula lebih menjurus kepada pendidikan yang lebih ‘*direct*’, memaparkan konsep-konsep hukuman, merit dan dimerit dan penjelasan atas apa yang harus dilakukan. Islam menunjukkan bahawa pendidikan haruslah melalui pendekatan yang sesuai dan bukan dengan semberono semata-mata. Allah s.w.t mengarahkan kita mendidik anak-anak dan masyarakat (menyeru ke arah ketaatan pada Ilahi) dengan berhikmah dan melalui perkataan-perkataan yang baik. Secara tak langsung, ini menyentuh metodologi dakwah dan juga mencirikan akhlak seseorang da’i itu sendiri.

Begitulah juga pada **peringkat ketiga** yang mana pendidikan itu harus bersifat *indirect*, ia mendekati jiwa remaja yang bergejolak itu, yang idealismenya tinggi itu, yang hatinya sensitif itu dalam bentuk berkawan-kawan, lengkap dengan ciri-ciri *sympathy* dan *empathy* yang boleh menjadi pendorong kepada remaja mengekalkan hubungan yang harmonis dan erat dengan ahli keluarga yang lebih tua. Melalui kaedah ini, sudah tentu pendidikan tidak akan tergugat dengan faktor-faktor fisiologi dan psikologi kanak-kanak yang sentiasa berkembang sehingga ia mencapai tahap kedewasaan kelak.

⁹ Wajah moral masyarakat Melayu kini adalah nilai diri, jatidiri, watak dan perlakuan yang dimanifestasikan dalam pelbagai *events* kehidupannya. Amat banyak perbincangan, wacana intelektual, makalah dan artikel yang membahasakan isu yang berkaitan dengan wajah moral masyarakat Melayu masa kini. Untuk makluman terdapat beberapa buku dan artikel yang secara langsung dan tidak secara langsung ada menyentuh tentang isu ini. Antaranya;

1. Abdul Latif Samian (2001) dalam kertas kerja “Falsafah Moral Dalam Etika Melayu” dalam Persidangan Kebangsaan Pendidikan Moral Dalam Dunia Globalisasi pada 23-25 Mei 2001, anjuran Fakulti Pendidikan UM.
2. Kamal Hassan (2003) dalam kertas kerja “Setting Muslim Mindset in Malaysia: Facing The Challenges of Globalisation dalam Prosiding International Seminar on Islam and The Challenges of Science and Technology in the 21st Century anjuran PPIPS UTM, Skudai
3. Hussin Salomon et al (2003) Globalizations and Challenges To The Muslim Ummah dalam kertas kerja “Setting Muslim Mindset in Malaysia: Facing The Challenges of Globalisation dalam Prosiding International Seminar on Islam and The Challenges of Science and Technology in the 21st Century di UTM, Skudai
4. Atikullah & Siti Hajar (2002) dalam Kertas Kerja “Keluarga Tanpa Sempadan: Punahnya Nilai-nilai Melayu Islam Dalam Alam Rumahtangga dalam Prosiding “Persidangan Kebangsaan Kerja Sosial pada 13-15 Ogos 2002 anjuran Program Pengurusan Kerja Sosial, UUM.
5. Aminuddin Ruskam (2002) dalam kertas kerja “Gejala dekadensi Moral: Polimik dan Metodologi Penyelesaian dalam Prosiding “Persidangan Kebangsaan Kerja Sosial pada 13-15 Ogos 2002 anjuran Program Pengurusan Kerja Sosial, UUM.
6. Muhamed Fauzi Othman & Mohd Azhar Abd. Hamid (2003) dalam “Globalisasi Hilangkan Jati Diri Melayu? Dalam PEMIKIR, April- Jun 2003.
7. Teo Kok Seong (2003) dalam kertas kerja “lagu Hard Rock dan Heavy Metal Melayu: Ancaman Kepada Nilai-nilai Peradaban Melayu? Dalam Prosiding Seminar Za’ba Mengenai Alam Melayu, pada 12-14 Ogos 2003 anjuran Institut Peradaban Melayu, UPSI
8. Azhar Bidin (2003) dalam kertas kerja “ Ideologi Media Tempatan: Sejauhmanakah Ia Menyumbang Kepada Pengukuhan Nilai-nilai Kemelayuan dalam Prosiding Seminar Za’ba Mengenai Alam Melayu, pada 12-14 Ogos 2003 anjuran Institut Peradaban Melayu, UPSI
9. Hashim Musa (2004) dalam kertas kerja “Citra Hati Budaya Melayu” dalam Prosiding Persidangan Antarabangsa Peradaban Melayu 11, pada 26-28 Februari 2004, anjuran Institut Peradaban Melayu, UPSI